

Heart centre to kick start soon

First patient can use the services by end of the month, says Liow

KOTA KINABALU: Sabah is set to get a fully-operational heart centre by the end of this month.

Health Minister Datuk Seri Liow Tiong Lai said the RM76mil renovations for the centre at the newly-acquired Queen Elizabeth Hospital 2 (QE2, formerly the Sabah Medical Centre) were completed in July with only the commissioning of equipment left to be done.

"They expect to commission the cat lab (catheterisation laboratory) and the first patient will be able to use it before the end of the month," Liow said during a visit to the QE2 yesterday.

He said patients in the state need not be referred to Institute Jantung Negara (IJN) from now on.

"It has the same facilities as IJN," he said, adding that the equipment was new and that the cat lab itself cost RM5mil.

The hospital, Liow said, would also be able to cope with elective surgeries that had been delayed for some six months.

He said the number of beds available at the hospital had increased to 384 from 184.

The Government bought over the Sabah Medical Centre building in Damai as an immediate measure after the tower block at QE1 in Jalan Penampang was declared unfit.

On the issue of cracks appearing at the multi-storey carpark, Liow said Kota Kinabalu City Hall had given the occupation certificate and the contractor would repair the faults under the two-year liability period.

He also said there were no plans by the Government to scrap the critical allowance for doctors undergoing housemanship.



Modul baru atasi doktor stres

Pastikan 7,000 doktor pelatih dapat pendedahan, latihan cukup

Oleh Syed Azwan Syed Ali
syedazwan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Modul kerja baru yang lebih fleksibel, termasuk pelaksanaan waktu kerja anjal, akan diperkenalkan bagi mengatasi masalah doktor pelatih stres dan mengalami tekanan mental akibat beban kerja tinggi ketika mengikuti housemanship di hospital kerajaan.

Pelaksanaan model kerja baru itu bagi memastikan kira-kira 7,000 doktor pelatih mendapat pendedahan, latihan dan kemahiran mencukupi sebelum dihantar ke hospital daerah selepas tamat latihan selama dua tahun.

Ia sejajar dengan hasrat kerajaan menambah bilangan doktor kepada nisbah 1:600 doktor pesakit pada 2015 tanpa mengabaikan kualiti doktor.

Difahamkan, modul kerja baru yang menetapkan waktu kerja anjal (sistem syif) itu dirangka berdasarkan modul housemanship di United Kingdom (UK) di mana doktor pelatih tidak semestinya perlu bekerja pada waktu pejabat, namun mengekalkan mekanisme on call (panggilan

aktif) bagi memenuhi keperluan di hospital.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, berkata modul kerja baru itu dijangka menyelesaikan masalah waktu kerja panjang doktor pelatih dan butiran mengenai akan diumumkan dalam masa terdekat.

"Pengurangan masa bukanlah penyelesaian kepada isu ini. Segala aspek akan dipertimbangkan dan Kementerian Kesihatan tidak akan berkompromi dalam hal kualiti," katanya kepada *Berita Harian*.

Beliau mengulas laporan muka depan akhbar ini, Selasa lalu, mengenai keputusan kerajaan mengurangkan waktu kerja doktor pelatih dari 90 jam kepada 54 jam seminggu bermula 1 September ini bagi menangani masalah stres dan tekanan mental dihadapi doktor pelatih akibat beban kerja tinggi ketika housemanship.

Kajian pada 2009 juga mendapati hampir dua pertiga doktor pelatih mengalami stres dan 53 peratus berniat meninggalkan bidang itu kerana tidak tahan dengan beban kerja di hospital dengan 30 hingga



Pengurangan masa bukanlah penyelesaian kepada isu ini. Segala aspek akan dipertimbangkan dan Kementerian Kesihatan tidak akan berkompromi dalam hal kualiti

Rosnah Abdul Rashid Shirlin
Timbalan Menteri Kesihatan

40 peratus menyifatkan waktu dan beban kerja tinggi menyebabkan mereka tiada ruang bersosial dan rekreasi.

Mengulas isu sama, Pakar Perunding Psikiatri dari Universiti Malaya (UM), Dr Muhammad Muhsin Ahmad Zahari, berkata waktu kerja anjal boleh dilakukan kerana jumlah houseman atau doktor pelatih meningkat berbanding tahun 1980-an di mana jumlah doktor adalah kecil menyebabkan doktor pelatih diperlukan untuk membantu merawat pesakit.

Di Ireland dan UK, doktor pelatih ditugaskan menjaga sekumpulan pesakit sehingga petang, sebelum doktor pelatih kedua mengambil alih sehingga keesokan hari.

"Sistem giliran boleh dilakukan jika jumlah houseman ramai, dan ia akan membolehkan doktor pelatih menerima pendedahan dan mendapat kemahiran mencukupi. Dengan sistem giliran, doktor pelatih akan mendapat rehat cukup dan mereka tidak boleh lagi menjadikan waktu kerja panjang sebagai alasan. Ia sepatutnya menangani masalah stres," katanya.

Remaja Malaysia telan 84 kapsul heroin ditahan di Surabaya

SURABAYA: Kastam Indonesia menahan seorang warga Malaysia berusia belasan tahun yang cuba menyeludup 700 gram heroin dengan melandanya.

Pegawai kastam Lapangan Terbang Surabaya, Buhari Surait berkata semalam, Ling Shao Chi, 18, ditahan di

lapangan terbang itu Sabtu lalu, sebaik tiba dengan penerbangan dari Kuala Lumpur.

"Ling mengaku dibayar 2.5 juta rupiah (RM750) untuk menyeludup dadah itu dengan menelan 84 kapsul serbuk heroin," kata Buhari.

Beliau menganggarkan nilai dadah itu ialah kira-kira 1.7 juta rupiah (RM602,000).

Mereka yang didapati bersalah menyeludup dadah di Indonesia boleh dihukum penjara seumur hidup atau mati. - AFP

METRO 6 OKT 08

THE STAR 7 AUGUST 2011

Medical tourism has huge growth potential

I AGREE with Prime Minister Datuk Seri Najib Tun Razak's daring call in "Zero in on unexplored areas, tourism players told" (*The Star*, Aug 1) and the sentiments expressed in "We need the wow factor" (*The Star*, Aug 4).

One of the highest contributors to GDP after manufacturing is income generated through the tourism industry.

Opportunities are aplenty in the whole supply chain of tourism activities in Malaysia. One of the key areas will be medical tourism, which has gained novelty in countries such as India, Thailand and Singapore.

According to recent research, the healthcare industry is the least affected by the global recession and is expected to grow by 50% over the next 15 years.

Globalisation has made the world smaller –

expanding knowledge and eliminating barriers – and medical tourism has leveraged on it very well.

As the world becomes more globalised, more people are seeking medical care abroad.

The low cost of treatment in countries like India, Malaysia and Thailand have coincided to provide a mega boost to the Asian medical tourism sector.

Statistics from the Association of Private Hospitals in Malaysia reveal that the number of foreign patients seeking medical treatment in Malaysia grew from 75,210 in 2001 to 370,000 in 2008, registering an annual growth of 30%.

This shows that medical tourism offers immense potential for future growth and development.

Indonesian and Middle Eastern patients

favour India, Thailand and Malaysia.

Malaysia can capitalise on its Islamic credentials, including the presence of halal food and Islamic practices in hospitals.

Hospitals should be cost competitive, provide differentiated world-class service and state-of-the-art healthcare infrastructure, hire multi-lingual staff as well as nurture world renowned surgeons and doctors.

There needs to be more integration with other agencies, such as higher education institutions that have new innovations in the medical and pharmaceutical fields.

This will definitely will help to bring more health travellers to Malaysia in the future.

Dr SHANKAR CHELLIAH,
George Town.

Gagal berhenti rokok sempena Ramadan

JEDDAH: Walaupun kajian menunjukkan 83 peratus perokok di Asia Barat dan Afrika Utara tidak merokok ketika berpuasa, ramai yang gagal membuang tabiat itu.

Laman kajian Yahoo-Maktoob juga mendedahkan hanya 16 peratus saja yang berusaha untuk membuang tabiat itu dalam Ramadan.

Akhbar *Arabnews* melaporkan bulan Ramadan menawarkan peluang keemasan untuk berhenti merokok, tetapi ramai yang tidak mengambil peluang untuk menghentikan tabiat itu.

"Apa yang berlaku ialah majoriti yang menahan diri daripada merokok sepanjang

bulan puasa, secara amnya merokok sepanjang tempoh dari berbuka puasa hingga sahur," kata akhbar itu.

Malah, ada kalangan mereka yang segera merokok sebaik saja waktu berbuka masuk dan mendakwa yang mereka sudah lama kehilangan tongkat untuk melihat

FAKTA NOMBOR

16
peratus

Berusaha membuang tabiat merokok dalam Ramadan

siang kerana tidak merokok.

Ramadan juga menyaksikan ramai orang ketagih menghisap shisha. Adalah biasa untuk mereka menikmati beberapa hisapan shisha di kafe dan restoran pada lewat malam sepanjang bulan ini.

Kafe dan resort menarik sejumlah besar pengunjung, terutama orang muda yang duduk dan menghisap shisha meningkat selepas solat Isyak.

Penyelia kafe Jeddah, Mahmoud Abdul Kader, mengesahkan yang jumlah orang mengunjungi kedai kopi sepanjang Ramadan meningkat 30 peratus. – Agensi

Masalah kesihatan mental kian serius

KUALA LUMPUR: Masalah kesihatan mental dihadapi pelajar seharusnya ditangani segera supaya kemurungan dan tekanan dapat dielakkan.

Ahli Majlis Penasihat Promosi Kesihatan Mental, Tan Sri Lee Lam Thye, berkata berdasarkan kajian Kesihatan Morbiditi Kebangsaan Malaysia pada 2006, 20.3 peratus masalah kesihatan mental membabitkan kanak-kanak dan remaja berbanding 1996 yang hanya 13 peratus. Namun pada Januari 2011, peratusan ini mengalami peningkatan.

"Apa yang menyedihkan, rakyat Malaysia tidak mengambil serius kesihatan mental serta kurang prihatin cara bertindak apabila berdepan golongan yang cenderung membunuh diri atau mengalami kemurungan kerana pada saat begini mereka amat memerlukan so-

kongan," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Kementerian Pelajaran mengambil inisiatif mewujudkan program perintis Program Minda Sihat Menangani Stres yang dilaksanakan di enam sekolah menengah di seluruh negara



Pelajar dikenal pasti menghadapi masalah kesihatan mental, mereka diberi rawatan sewajarnya termasuk kaunseling dan kemahiran daya tindak kesihatan mental



Lee Lam Thye
Ahli Majlis Penasihat Promosi
Kesihatan Mental

bagi mengenalpasti status kesihatan mental melalui saringan tahap stres, keresahan dan kemurungan.

Hasil program yang turut membabitkan sekolah menengah di Sabah ini akan dimaklumkan kepada Menteri Kesihatan pada September nanti dan hasil kajian akan diumumkan beliau.

Lee berkata, langkah ini usaha mengenalpasti pelajar yang menghadapi masalah berkenaan mendapat bantuan kaunseling sebelum terjebak dengan perkara yang lebih buruk.

"Ini adalah inisiatif menangani masalah kesihatan mental pelajar kerana ia dapat dikesan seawal mungkin. Pelajar yang dikenal pasti menghadapi masalah kesihatan mental, mereka diberi rawatan sewajarnya termasuk kaunseling dan kemahiran daya tindak kesihatan mental," katanya.

Berhenti merokok pada bulan puasa



PEROKOK beragama Islam lebih mudah berhenti merokok pada bulan Ramadan. - Gambar hiasan

PUTRAJAYA - Kajian mendapati 95 peratus daripada perokok beragama Islam menyatakan lebih mudah untuk berhenti merokok pada bulan Ramadan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Hasan Abdul Rahman berkata, berpuasa 14 jam sehari secara tidak langsung membantu perokok untuk lebih mudah berhenti kerana sepanjang tempoh itu mereka berupaya mengawal diri daripada merokok.

Justeru itu, Kementerian Kesihatan setiap tahun mempergiatkan kempen berhenti merokok menerusi program Nafas Baru Bermula Ramadan dengan slogan 'Ramadan

titik permulaan untuk berhenti merokok'.

"Jadi gunakanlah kesempatan Ramadan ini kerana ia peluang terbaik bagi perokok berazam dan seterusnya meninggalkan tabiat merokok," katanya.

Beliau berkata demikian pada seminar Pendidikan Fatwa-Merokok Adalah Haram di sini semalam.

Dr. Hasan berkata, ia secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan yang mencecah RM3 bilion setahun untuk merawat tiga penyakit akibat merokok seperti jantung, kanser paru-paru dan penyakit paru-paru kronik.